

**SOALAN NO: 206**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 206**

**YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak ubat yang telah dipulangkan oleh pesakit sejak seruan Kementerian untuk memulangkan ubat dan bagaimana ubat-ubat itu ditentukan keberkesanannya; dan apa dibuat dengan ubat-ubat yang dipulangkan dan berapa banyak penjaminan Kementerian dengan usaha ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan Program Pemulangan Ubat di semua fasiliti KKM dengan tujuan untuk membantu para pesakit melupuskan ubat-ubatan yang telah luput atau tidak dipakai lagi dengan cara yang betul dan selamat demi menjaga alam sekitar.

Anggaran kos ubat-ubatan yang dipulangkan pesakit untuk dilupuskan adalah sebanyak 0.006% daripada ubat-ubatan yang telah dibekalkan KKM. Antara ubat-ubatan yang sering dipulangkan para pesakit adalah

ubat yang digunakan untuk merawat penyakit-penyakit kronik -seperti penyakit darah tinggi, kencing manis serta kolestrol tinggi.

Ingin dinyatakan bahawa pihak KKM tidak menggunakan semula ubat-ubatan yang telah dipulangkan pesakit setelah ianya dibekalkan kepada pesakit. Ini kerana kualiti ubat-ubatan tersebut tidak dapat dipastikan kerana bergantung kepada keadaan penyimpanan ubat semasa di rumah pesakit. Selain itu juga, pihak *World Health Organization (WHO)* juga menyarankan agar ubat yang telah dipulangkan tidak digunakan untuk pesakit lain memandangkan kualiti dan keberkesanan ubat yang dipulangkan tidak dapat dijamin. Amalan ini juga dipraktiskan di negara luar yang turut melaksanakan program pemulangan ubat ke farmasi seperti Australia dan United Kingdom.

KKM juga telah mengambil satu langkah proaktif dalam usaha menjimatkan kos pembelian ubat-ubatan bagi penyakit kronik di KKM dengan memperkenalkan Program Patient's Own Medicine (POMs).

Program ini adalah Program dimana ubat-ubatan pesakit yang telah dipreskrib atau dibeli sendiri oleh pesakit akan digunakan semula sepanjang pesakit berada di dalam wad. Selain itu, Program ini juga dapat mengoptimalkan penggunaan ubat dan mengelakkan pembaziran ubat-ubatan.

Satu kajian rintis juga telah dijalankan bagi tempoh 3 bulan iaitu dari Januari hingga Mac 2017. Kajian ini menunjukkan pelaksanaan Program POMs telah dapat menjimatkan kos penggunaan ubat-ubatan khususnya bagi penyakit kronik. Sehubungan dengan itu, KKM bercadang untuk memperluaskan Program ini secara berperingkat ke seluruh fasiliti KKM